

**BIODATA PROFESOR  
EMERITUS DATUK DR.  
SULAIMAN MD. YASSIN**



**SULAIMAN MD YASSIN** menerima sijil pelantikan sebagai profesor kursi pertama UIM-YBK daripada **Mohd. Yusof Noor**.

## UIM isytihar Profesor Kursi Kesejahteraan

Oleh SITI AISHAH YUSOFF

**UNIVERSITI** Islam Malaysia (UIM) dengan kerjasama Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) telah mengistiharkan penubuhan Profesor Kursi pertama iaitu Kursi Kesejahteraan UIM-YBK yang disandang oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin.

Penubuhannya bertujuan mempromosi dan menyokong penyelidikan dan akademik dalam bidang kesejahteraan yang semakin meluas dan menyeluruh termasuk perkembangan dan pembangunan kemanusiaan.

Presiden UIM, Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, penubuhan ini juga selaras dengan hasrat YBK yang ingin memahami dan memastikan pelbagai dimensi kesejahteraan sebagai langkah-langkah yang lebih relevan untuk menjamin kemajuan, kelangsungan dan kewujudan manusia.

"Dimensi tersebut merangkumi langkah-langkah yang subjektif dan objektif, termasuk faktor-faktor seperti hubungan sosial, alam sekitar, peribadi, kognitif dan aspek-aspek rohani serta perspektif ekonomi dan kewangan yang akan dikaji secara berkala, dianalisa dan ditafsirkan. Usaha penyelidikan ini juga akan

menjurus ke arah membangunkan Indeks Kesejahteraan Malaysia.

"Pada masa yang sama, kerja penyelidikan di bawah Kursi Kesejahteraan ini akan melengkapi hasrat akademik UIM selaras dengan tujuan untuk mencari kebenaran serta hikmah di samping mengembang dan memperluaskan lagi ufuk bidang ilmu," katanya.

Tambah Mohd. Yusof, Kursi Kesejahteraan akan menerima geran tahunan dari YBK bagi menyokong kerja penyelidikan dan aktiviti profesional yang dikendalikan oleh Sulaiman.

"Selain daripada menjalankan kerja penyelidikan, Profesor Kursi akan mengeluarkan penerbitan, menganjurkan seminar, serta menawarkan kursus-kursus siswazah yang relevan.

"UIM akan memberikan kerjasama dalam mengendalikan program dan aktiviti yang selari dengan visi dan misi YBK bagi menambah baik kesejahteraan masyarakat secara amnya. Usaha sama antara UIM dan YBK bagi penubuhan Profesor Kursi ini diharap akan melonjakkan lagi UIM sebagai salah satu institusi terulung dalam penyelidikan kesejahteraan dan menjadi sumber rujukan bagi maklumat, data dan indeks kesejahteraan," kata beliau.

BELIAU merupakan mantan ahli penyelidik utama di Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga pertengahan bulan April 2009. Jawatan terakhir sebelum bersara pada tahun 2009 ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Dekan Pengajian Siswazah, Pengarah Pengembangan dan Lanjutan Pendidikan dan Timbalan Naib Canselor di UPM selama 25 tahun.

Sulaiman merupakan bekas pelajar Maktab Tentera Diraja Sungai Besi, dan menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) di Cornell pada tahun 1980. Beliau turut menghabiskan setahun pengajian sebagai *Fullbright Scholar* pada tahun 1986. Memulakan kerjayanya di Felda setelah beliau menyertai Kolej Pertanian Malaya pada tahun 1972 yang akhirnya menjadi Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1974.

Beliau banyak melibatkan diri dalam pelbagai projek dalam dan luar negara dengan dana daripada pelbagai organisasi termasuk Bank Dunia, Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Sekretariat ASEAN, Majlis Masjid Sedunia, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA),

Pusat Pembangunan Luar Bandar Berintegrasi bagi Asia dan Pasifik (CIRDAP) dan kerajaan Malaysia.

Pernah berkhidmat sebagai konsultan lebih daripada 16 buah negara dan beliau merupakan *Inter-Country Coordinator* dalam membangunkan Program Modular ASEAN yang diberi dana oleh Kerajaan Australia dan ASEAN.

Kajian beliau terkini melibatkan penilaian kualiti kehidupan dan kesejahteraan, kelestarian hidup, perpaduan sosial dan pembangunan indeks kegemiraan dan kesejahteraan.

Antara buku-buku karangan beliau yang terkini ialah *Well-Being Revisited: A Malaysian Perspective* dan juga 'Menjejak Kesejahteraan Dari Kaca Mata Komuniti Malaysia'.

Beliau kekal sebagai Pemimpin Amanah YBK, Pemimpin Amanah Malaysian Peace Foundation dan juga Pengurus Malaysia-American Alumni Education Foundation (ALMA).